

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
[WANGSA MAJU]**

SOALAN : 456

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah perancangan untuk memindahkan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Wangsa Maju ke kawasan Wangsa Maju memandangkan IPD sekarang terletak di Pudu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan projek Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Wangsa Maju telah disenaraikan dalam Pelan Strategik 5 tahun PDRM (PSPDRM), namun tidak dapat direalisasikan dalam masa terdekat ekoran keutamaan terpaksa diberikan kepada cadangan projek lain yang lebih mendesak. Selain itu, kesukaran untuk mencari tapak tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang sesuai untuk kegunaan PDRM di kawasan terbabit (keperluan tapak sesebuah IPD adalah antara 10 hingga 15 ekar) turut menyumbang kepada kelewatan pembinaan IPD berkenaan.

Namun begitu PDRM sedang dalam tindakan susulan untuk merealisasikan pembangunan baru bagi kawasan berkenaan dalam usaha memenuhi keperluan dan meningkat imej pasukan serta tahap rasa selamat penduduk. Penyenaraian semula akan dimasukkan dalam perancangan projek pakej Rancangan Malaysia Ke-11 dan akan diusulkan dalam *Rolling Plan* yang seterusnya.